



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Keterangan (Pindaan) 1989
DR.7/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keterangan (Pindaan) 1989. Tajuk ringkas.

2. Akta Keterangan 1950, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 146, seksyen baru 146A yang berikut: Seksyen baru 146A.
Akta 56.

“Sekatan-sekatan terhadap keterangan di perbicaraan rogol.

146A. Walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam Akta ini, dalam prosiding-prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol, tiada keterangan dan tiada soalan dalam pemeriksaan balas boleh dikemukakan atau ditanya, oleh atau bagi pihak tertuduh, berkenaan dengan kegiatan seksual pengadu dengan mana-mana orang lain selain daripada tertuduh melainkan jika—

(a) ia adalah keterangan yang mematahkan, atau suatu soalan yang berkecondongan mematahkan, keterangan

mengenai kegiatan seksual pengadu atau ketiadaannya yang dahulunya telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan;

(b) ia adalah keterangan, atau suatu soalan, tentang misalan-misalan tertentu mengenai kegiatan seksual pengadu yang berkecondongan membuktikan identiti orang yang mempunyai hubungan seksual dengan pengadu pada waktu kejadian yang dinyatakan dalam pertuduhan; atau

(c) ia adalah keterangan, atau suatu soalan, tentang kegiatan seksual yang berlaku pada waktu yang sama dengan kegiatan seksual yang menjadi hal perkara pertuduhan, yang mana keterangan atau soalan itu berhubungan dengan persetujuan yang dikatakan oleh tertuduh dipercayainya telah diberikan oleh pengadu.”.

Pindaan
seksyen 155.

3. Seksyen 155 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan (d).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Keterangan 1950.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 146A ke dalam Akta bagi mengawal penggunaan keterangan tentang latarbelakang seksual dalam prosiding-prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol.

Di bawah seksyen baru yang dicadangkan ini, dalam prosiding-prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol, pihak pembela adalah dilarang daripada mengemukakan apa-apa keterangan atau menanya apa-apa soalan, yang berkaitan dengan kegiatan seksual pengadu dengan mana-mana orang lain selain daripada tertuduh melainkan jika ia adalah keterangan atau soalan yang—

(a) berkecondongan mematahkan keterangan pihak pendakwaan mengenai kegiatan seksual pengadu yang telah dikemukakan terdahulu;

- (b) bertujuan membuktikan identiti orang yang mengadakan hubungan seksual dengan pengadu pada waktu kejadian yang dinyatakan dalam pertuduhan; atau
 - (c) berhubungan dengan kegiatan seksual yang berlaku semasa dengannya, dan hanya terpakai di mana defendan mengatakan kepercayaannya tentang persetujuan, berdasarkan kepada kegiatan seksual pengadu pada masa kejadian yang sama.
3. *Fasal 3* bertujuan memotong seksyen 155 (d) Akta, yang membenarkan seorang lelaki yang didakwa kerana kesalahan rogol atau cuba memperkosa untuk menunjukkan bahawa pengadu adalah pada amnya berwatak lucah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [(U²) 1479.]

